

BAB III

GAMBARAN UMUM TENTANG LOKASI PENELITIAN



Gambar 1: Peta Daerah Limbang

A. Latar Belakang Lokasi Penelitian

1. Deskripsi dan Terletaknya Daerah Limbang

Daerah Limbang merupakan sebuah bahagian dan juga ibu kota bahagian di Negeri Sarawak. Sarawak ini terletak di sebelah utara, dan mempunyai kawasan seluas 3,978.1 kilometer persegi. Unikunya Bandar Limbang adalah ianya adalah diapit oleh Brunei Darussalam dan juga Lawas. Pada masa dahulu pertempatan terbesar yang menjadi tumpuan dipanggil pangkalan tarap ketika perhubungan masih bergantung kepada sungai Limbang dengan menggunakan gubang dan bagung. Di sinilah pentadbiran, perdagangan dan pergaulan berlangsung. Apabila sungai Limbang diambil oleh Brooke dan digabungkan dengan daerah Trusan dan daerah Lawas maka pangkalan Terap ditukar kepada Limbang, Pangkalan Tarap. Di samping itu wujud pusat pentadbiran dan perniagaan baru yang dahulu adalah kampung kecil dan luar bandar. Di antaranya adalah Medamit, Batu Danau dan

yang terkini adalah Tedungan, pusat perniagaan baru, di kawasan persempadanan dengan Brunei Darussalam.¹

Bahagian Limbang terletak di Timur Laut Negeri Sarawak bersempadan dengan Negara Brunei Darussalam di Barat, Teluk Brunei di Utara, Sabah/Kalimantan di Timur dan Daerah Baram (Bahagian Miri) di Selatan tengah-tengahnya Daerah Temburong (Negara Brunei) yang membuatkan Bahagian Limbang berada di tengah-tengah. Limbang adalah bahagian yang ke 5 diantara ke 12 Bahagian di Negeri Sarawak. Bahagian Limbang merangkumi dua buah daerah iaitu Daerah Limbang dan Daerah Lawas serta tiga buah daerah kecil iaitu Nanga Medamit, Sundar dan Trusan dengan keluasan kawasan seluas 7,790 km/segi. Bahagian Limbang mempunyai Penduduk berjumlah 93,300 orang yang terdiri daripada etnik Melayu, Kedayan, Cina, Iban, Bisaya, Lun Bawang, dan beberapa etnik lain. Pekerjaan utama penduduk, seperti Bidang Pertanian, Penternakan, Perikanan dan Perniagaan.

Daerah Limbang merupakan sebuah daerah yang terletak di bahagian Lawas Negeri Sarawak. Kedudukan daerah Limbang yang strategik iaitu bersempadan dengan Negeri Sabah dan Negera Brunei Darussalam serta Wilayah Persekutuan Labuan menjadikan Daerah Limbang sebagai tumpuan pelancong luar terutamanya penduduk brunei. Keadaan alam semula jadi.

Daerah Limbang mempunyai pelbagai pembangunan infrastruktur yang signifikan. Hampir seluruh wilayah tersebut telah dilengkapi dengan fasilitas

¹ Sumber: Profail Daerah Limbang didapat pada 13 Maret 2023

seperti listrik, air, dan kemudahan jalan raya yang sangat baik. Selain itu, daerah Limbang juga banyak menyediakan fasilitas umum dan menyediakan pusat pendidikan bagi anak-anak seperti sekolah Kebangsaan Limbang, 18 buah sekolah kebangsaan, dan sekolah menengah kebangsaan Limbang, 5 buah sekolah menengah dan terdapat juga sekolah jenis Kebangsaan Chung Hwa, 3 buah sekolah jenis Chung Hwa berada di sekitar daerah Limbang. Daerah Limbang juga terdapat pasar raya dan pasar-pasar bagi memudahkan masyarakat sekitar.²

Daerah Limbang juga mempunyai pengeluaran makanan yang sangat unik sepertinya Ikan Tahai yang dibuat khas dari warga setempat. Selain itu, daerah Limbang juga terdapat satu keunikan acara terkenal yang dipanggil Pesta Babulang yang diraikan oleh Kaum Bisaya. Selain itu, daerah Limbang juga memberikan akses jalan dan jambatan yang telah dibangunkan bagi memudahkan penduduk daerah Limbang melalui Brunei Darussalam, Lawas, Miri dan Sabah. Hal yang demikian, akan mendorong kemajuan Daerah Limbang sejajar dengan perkembangan di kota lainnya.

Daerah Limbang ini juga akan menjadi pusat pelancongan pada masa hadapan, setelah selesai nya projek pembinaan waterfront terpanjang yang berada di Sarawak. tujuan pembinaan tersebut agar Daerah Limbang akan lebih maju di masa hadapan kelak. Selain itu, ketika projek pembinaan ini selesai akan mencipta lebih banyak lagi peluang pekerjaan dan lapangan kerja di Daerah Limbang tersebut yang pada gilirannya akan meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi penduduk lokal.

² Sumber: Profail Daerah Limbang didapat pada 13 Maret 2023

2. Keluasan Di Daerah Limbang

Daerah Limbang mempunyai keluasan sekitar 3,976.00 kilometer persegi. Kota besarnya adalah Limbang. Daerah tersebut memiliki satu sub-daerah, yakni Nanga Medamit. Daerah tersebut berbatasan dengan Brunei Darussalam di bagian Barat dan Timur, Daerah Lawas di bagian Tenggara dan Daerah Miri di bagian Selatan dan Barat Daya, karena berbagi wilayah utara dan pesisir dengan Brunei Darussalam, Limbang hanya dapat diakses memakai jalan raya melalui pos-pos imigrasi. menurut sejarah, kawasan tersebut dianeksasi oleh Charles Anthoni Johnson Brooke, Rajah Sarawak kedua pada tahun 1890 dari Brunei untuk dijadikan daerah kelima Sarawak. Aneksasi tersebut sangat diberatkan oleh Brunei.²

3. Jumlah penduduk Daerah Limbang

Menurut data yang telah tersedia dari Pejabat Daerah Limbang (kantor Kecamatan), jumlah penduduk di sekitar daerah Limbang tersebut telah mencapai 27,903 orang. Sebagian besar penduduk daerah tersebut bekerja dalam beragam sektor ekonomi, termasuk nelayan, petani, pegawai Negeri, sektor swasta dan sebagainya. Aktivitas ekonomi yang mendominasi di daerah Limbang adalah terkait dengan perikanan, seperti menangkap ikan, dan pembuatan Ikan Tahai yang diproses dengan menggunakan api kemudian ikan tersebut akan dijemur di bawah sinaran matahari.

² Sumber: Profail Daerah Limbang didapat pada 17 Maret 2023

4. Suku Kaum dan Agama Penduduk Daerah Limbang

Daerah Limbang terdiri dari berbagai macam suku dan agama. Dalam data resmi yang tercatat dalam Pejabat Daerah Limbang (Kantor Kecamatan) adalah seperti berikut:

3.1. Data Agama Penduduk Daerah Limbang

BIL	AGAMA	JUMLAH	PERSSEN
1	Islam	12,426	66.12%
2	Kristian	4,096	20.13%
3	Buddha	227	1.35%

3.2. Data Suku Penduduk Daerah Limbang

BIL	AGAMA	JUMLAH	PERSEN
1	Melayu	13,450	68.65%
2	Kedayan	16,013	30.12%
3	Iban	7,898	31.89%
4	Cina	878	2.87%
5	Lun Bawang	333	1.66%
6	Bisaya	236	1.34%
7	Lain-Lainnya	40	0.45%

Berdasarkan data tabel yang disediakan oleh Pejabat Daerah Limbang (Kantor Kecamatan) untuk tahun 2023, terlihat bahwa persentase penduduk,

agama, dan suku di Daerah Limbang terus mengalami peningkatan setiap tahun. Hal ini disebabkan oleh pertumbuhan angka kelahiran, dan angka kematian yang sangat tinggi dan kedatangan penduduk baru yang telah menetap di Daerah Limbang.³

B. Profil Responden Penelitian

Sebelum mengemukakan hasil wawancara, peneliti terlebih dahulu mengenalkan profil singkat Responden seperti berikut:

1. Responden I

Nama Mohd Fikri Bin Morcd, berusia 36 Tahun, tinggal di kuarters operasi pasukan polis Limbang. Beliau merupakan Bahagian Agama dan Kaunseling (Baka) dalam PDRM. Selain itu, beliau juga merupakan pemimpin dalam Tradisi Pembacaan Surah Al-Mulk ini di surau Nurul Ibadah. Wawancara dengan Mohd Fikri Bin Morcd dilakukan 6 Disember 2023 melalui video call whatsapp.

2. Responden II

Nama Masiah Binti Munir, berusia 50 Tahun, tinggal di Kompleks Perumahan Polis Daerah Limbang. Beliau merupakan masyarakat yang mengikuti Tradisi Pembacaan Surah Al-Mulk di Perkantoran Polisi Daerah Limbang, Provinsi Sarawak. Beliau merupakan seorang ibu rumah tangga. Wawancara dengan Masiah Binti Munir dilakukan 6 Disember 2023 melalui videocall whatsapp.

³ Sumber: Profail Daerah Limbang didapat pada 17 Maret 2023

3. Responden III

Nama Afni Aqierah Binti Bair, berusia 29 Tahun, tinggal di Kampung Sayu. Beliau merupakan masyarakat luar yang sering mengikuti Tradisi Pembacaan Surah Al-Mulk di Perkantoran Polisi Daerah Limbang. Provinsi Sarawak. Beliau merupakan Marketing Representative .Wawancara dengan Afni Aqierah Binti Bair dilakukan 6 Disember 2023 melalui video call whatsapp.

4. Responden IV

Nama Awang Sulaiman Bin Awang Aemeran, berusia 40 Tahun, tinggal di Kmpung Bunga Raya. Beliau merupakan masyarakat luar yang sering mengikuti Tradisi Pembacaan Surah Al-Mulk di Perkantoran Polisi Daerah Limbang, provinsi Sarawak. Selain itu, beliau juga berkerja sebagai pekerja pertukaran wang di Daerah Limbang. Wawancara dengan Awang Sulaiman Bin Awang Aemeran dilakukan 6 Disember 2023 melalui video call whatsapp.

5. Responden V

Nama Nur Fatihah Izzati Binti Harzuan, berusia 22 Tahun, tinggal di Kompleks Perumahan Polis Daerah Limbang. Beliau merupakan masyarakat yang mengikuti Tradisi Pembacaan Surah Al-Mulk di Perkantoran Polisi Daerah Limbang, Provinsi Sarawak. Beliau juga merupakan seorang ibu rumah tangga. Wawancara dengan Nur Fatihah Izzati Binti Harzuan dilakukan 6 Disember 2023 melalui video call whatsapp.

6. Responden VI

Nama Salehah Binti Bojan, berusia 58 Tahun, tinggal di Kompleks Perumahan Polis Limbang Daerah Limbang. Beliau merupakan ibu rumah tangga. Selain itu, beliau juga merupakan masyarakat yang mengikuti Tradisi Pembacaan Surah Al-Mulk ini di surau Nurul Ibadah. Wawancara dengan Salehah Binti Bojan dilakukan pada 6 Desember 2023 melalui video call whatsapp.